



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

JUMAAT, 27 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	TIGA KERTAS MAKLUMAN DIBENTANG PADA MESYUARAT PERTAMA MWKN	

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/26/tiga-kertas-makluman-dibentang-pada-mesyuarat-pertama-mwkn>

UTUSANBORNEO.COM.MY

<https://www.youtube.com/watch?v=oEZlwdqoVt4>

YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	HARI PSIKOLOGI KPWK 2023	

https://www.youtube.com/watch?v=3_WQxG52xjA

YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	TRIBUNAL TO START BY END OF YEAR	

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/26/tribunal-to-start-by-end-of-year>

THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	MOHD NAIM: MUSLIM PWD ACTION PLAN DEVELOPED TO ENHANCE UNDERSTANDING IN ISLAM	

<https://www.thesundaily.my/local/mohd-naim-muslim-pwd-action-plan-developed-to-enhance-understanding-in-islam-NA11668498>

THESUNDAILY.MY

<https://suarasarawak.my/pelan-tindakan-oku-muslim-untuk-oku-dapat-kefahaman-baik-tentang-islam/>

SUARASARAWAK.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK BUKTI KEPRIHATINAN ISU KESELAMATAN	
	https://www.astroawani.com/videos/sisitv-parlimen-x7sioi/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-bukti-keprihatinan-isu-keselamatan-x8p3q2v	ASTROAWANI.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/10/26/166-jawatan-kontrak-perkukuh-operasi-jabatan-pembangunan-kanak-kanak/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=ZzVsg_0hf34	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
6	FATIMAH CADANG PELAJAR OKU TUBUH BADAN DI IPT	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/26/fatimah-cadang-pelajar-oku-tubuh-badan-di-ipt	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://tvstv.my/2023/10/26/tubuh-badan-khas-untuk-pelajar-oku-di-unimas-fatimah/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	MASIH RAMAI WANITA KURANG KESEDARAN KANSER PAYUDARA	
	https://malaysiagazette.com/2023/10/26/masih-ramai-wanita-kurang-kesedaran-kanser-payudara/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://tvstv.my/2023/10/26/kesedaran-kanser-dalam-kalangan-wanita-malaysia-membimbangkan/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	SEDUTAN PROGRAM ASSALAMUALAIKUM 14 OKTOBER 2023: BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2023	
	https://www.youtube.com/watch?v=B2-dlf019Ks	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	58,500 WANITA TERIMA MANFAAT PROGRAM WCARE	
	https://www.sinarharian.com.my/article/631605/berita/nasional/58500-wanita-terima-manfaat-program-wcare	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2238700	BERNAMA.COM
	https://www.getaran.my/artikel/semasa/53397/lppkn-sasar-58500-wanita-terima-manfaat-program-wcare	GETARAN.MY
	https://selangorjournal.my/2023/10/lppkn-targets-58500-women-for-wcare-programme/	SELANGORJOURNAL.MY
	https://www.thesundaily.my/local/lppkn-targets-58500-women-to-benefit-from-wcare-programme-EB11673645	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	GADIS MAHU BERBAKTI JAGA IBU TERLANTAR	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/26/gadis-mahu-berbakti-jaga-ibu-terlantar/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	'KAMI PUN MANUSIA, ADA HATI DAN PERASAAN'	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1023963/kami-pun-manusia-ada-hati-dan-perasaan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	LELAKI LUMPUH JADI EJEN JUALAN DI TIKTOK CARI DUIT BANTU KELUARGA	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/lelaki-lumpuh-jadi-ejen-jualan-di-tiktok-cari-duit-bantu-keluarga/	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
13	TEENAGE DRIVER IN KUALA KEDAH FATAL CRASH CASE REFERRED TO SOCIAL WELFARE DEPT	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/971566/teenage-driver-kuala-kedah-fatal-crash-case-referred-social-welfare-dept	NST.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/26/kes-remaja-langgar-wanita-hingga-maut-polis-buka-2-kertas-siasatan/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.buletintv3.my/jenayah/siasatan-terhadap-remaja-langgar-maut-wanita-bongkar-cerita-lain/	BULETINTV3.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2238698	BERNAMA.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-langgar-wanita-hingga-maut-akan-didakwa-siasatan-turut-bongkar-kes-rogol-443442	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
14	DISIASAT KES ROGOL PULA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1023854/disiasat-kes-rogol-pula	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	PELAKON DRAMA ISTIDRAJ HIDAP KANSER PAYU DARA, RAYU BANTUAN	
	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/10/1169622/pelakon-drama-istidraj-hidap-kanser-payu-dara-rayu-bantuan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/rap/2023/10/1023852/pelakon-drama-hidap-kanser-payu-dara-perlu-bantuan	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

27/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	MALAYSIA BERDEPAN KEKURANGAN AHLI TERAPI CARA KERJA YANG SERIUS	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/malaysia-berdepan-kekurangan-ahli-terapi-cara-kerja-yang-serius/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	HIMPUNAN 1,000 WANITA MELAYU, AGENDA PERKASA ISU WANITA	
	https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/10/1169476/himpunan-1000-wanita-melayu-agenda-perkasa-isu-wanita	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	CEO AMANIE ADVISORS, MAYA MARISSA MALEK TERIMA ANUGERAH TOKOH WANITA TIMUR TENGAH 2023	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ceo-amanie-advisors-maya-marissa-malek-terima-anugerah-tokoh-wanita-timur-tengah-2023-443365	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	LEBIH 700 PESERTA MERIAHKAN KARNIVAL SUKAN WANITA PEKAK	
	https://malaysiagazette.com/2023/10/26/lebih-700-peserta-meriahkan-karnival-sukan-wanita-pekak/	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
20	AMIR SISI JUARA THE CHOSEN ONE, BAWA PULANG HADIAH RM30,000	

<https://www.astroawani.com/berita-hiburan/amir-sisi-juara-chosen-one-bawa-pulang-hadiah-rm30000-443405>

ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
21	AWASI TANDA-TANDA REMAJA HADAPI GEJALA KETAGIH GAJET	

<https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/10/awasi-tanda-tanda-remaja-hadapi-gejala-ketagih-gajet/>

UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	'ANAK SAYA TAK ADA KEDUA-DUA TELINGA, TAPI DIA BOLEH MENDENGAR...'	

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1169486/anak-saya-tak-ada-kedua-dua-telinga-tapi-dia-boleh-mendengar>

BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	KANAK-KANAK DERITA SEJAM ZIP TERSANGKUT HIDUNG	

<https://www.kosmo.com.my/2023/10/26/kanak-kanak-derita-sejam-zip-tersangkut-hidung/>

KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	LEBIH 100,000 JURURAWAT BERKHIDMAT DALAM SEKTOR KESIHATAN	

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lebih-100000-jururawat-berkhidmat-dalam-sektor-kesihatan/>

UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	SELANGOR TAWAR RM1,000 'ONE OFF' MENERUSI INSENTIF MAMAKERJA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1169492/selangor-tawar-rm1000-one-menerusi-insentif-mamakerja	BHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mamakerja-selangor-beri-insentif-rm1000-kepada-ibu-bekerja-443437	ASTROAWANI.COM
	https://siakapkei.my/2023/10/26/selangor-beri-insentif-rm1000-kepada-ibu-bekerja-ringan-kos-penjagaan-anak/	SIKAPKEI.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/631533/edisi/selangor-kl/selangor-beri-insentif-rm1000-sokong-wanita-bekerja	SINARHARIAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/10/negeri-tawar-insentif-rm1000-untuk-wanita-bekerja-miliki-tiga-anak-kecil/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	TIGA SAHABAT TERMASUK SEORANG WANITA BEBAS TUDUHAN MEMBUNUH, MAYAT TIDAK DITEMUKAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/tiga-sahabat-termasuk-seorang-wanita-bebas-tuduhan-membunuh-mayat-tidak-ditemukan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	WANITA KELDAI AKAUN DITAHAN SEBABKAN KERUGIAN RM38,000	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-keldai-akaun-ditahan-sebabkan-kerugian-rm38000-443474	ASTROAWANI.COM
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/10/26/wanita-keldai-akaun-ditahan-sebabkan-kerugian-rm38000/	HARAKAHDAILY.NET



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
28	WANITA TAK MENGAKU DAFTAR 17 NAMA PALSU DALAM PENJANA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/wanita-tak-mengaku-daftar-17-nama-palsu-dalam-penjana/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
29	KAKI BUDAK LIMA TAHUN TERSANGKUT DALAM LUBANG TANDAS	
	https://www.sinarharian.com.my/article/631589/berita/semasa/kaki-budak-lima-tahun-tersangkut-dalam-lubang-tandas	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
30	LEBIH BAIK JAGA ABANG OKU, BUKAN 'BIAWAK HIDUP' – NETIZEN	
	https://malaysiagazette.com/2023/10/26/lebih-baik-jaga-abang-oku-bukan-biawak-hidup-netizen/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
31	KARNIVAL KERJAYA KHAS UNTUK OKU DI IDCC SHAH ALAM 31 OKTOBER	
	https://selangorkini.my/2023/10/karnival-kerjaya-khas-untuk-oku-di-idcc-shah-alam-31-oktober/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
32	WARGA EMAS MAUT DILANGGAR MOTOSIKAL KETIKA BERJALAN KAKI	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/26/warga-emas-maut-dilanggar-motosikal-ketika-berjalan-kaki	UTUSANBORNEO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
33	KANAK-KANAK SOLIDARITI TERHADAP PALESTIN DI ROBLOX	
	https://www.utusan.com.my/video/2023/10/kanak-kanak-solidariti-terhadap-palestin-di-roblox/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/26/video-remaja-kanak-kanak-malaysia-bersolidariti-untuk-palestin-di-roblox-jadi-tumpuan-dunia/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
34	WARGA EMAS TIDUR DALAM KHEMAH BIMBANG RUMAH DIPECAH MASUK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1023831/warga-emas-tidur-dalam-khemah-bimbang-rumah-dipecah-masuk	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=VQgMThb4x-0	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
35	PENYANYI TERBABIT KEMALANGAN, SEORANG MAUT	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1169659/penyanyi-terbabit-kemalangan-seorang-maut	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1023984/penyanyi-kumpulan-rock-kemalangan-warga-emas-maut	HMETRO.COM.MY



TAJUK : 'ANAK SAYA TAK ADA KEDUA-DUA TELINGA TETAPI DIA BOLEH DENGAR'

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

'Anak saya tak ada kedua-dua telinga tetapi dia boleh dengar'

Kanak-kanak penghidap sindrom Patau miliki keistimewaan tersendiri

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: "Anak saya seorang yang sangat istimewa kerana tiada kedua-dua telinga, tetapi Allah tetap berikan dia deria pendengaran. Dia akan menoleh jika dipanggil namanya dan menangis tak boleh tidur jika adik-beradik lain membuat bising," kata Rozana Zakaria@Omar.

Rozana, 41, yang tinggal di Kampung Laut, di sini, berkata beliau juga bersyukur kerana anaknya, Muhammad Firdaus Zaqun Ab-

dul Wahab yang berusia 14 bulan itu berjaya melepasi tempoh getir jangkaan hayatnya yang boleh hidup kurang setahun yang diberi doktor sebelum ini.

Beliau berkata, walaupun Muhammad Firdaus Zaqun yang juga anak bongsu daripada lima beradik itu mengalami sindrom Patau dan menghidap penyakit jantung berubang serta buah pinggang, anaknya itu kini membesar dengan sihat.

Sindrom Patau adalah penyakit yang terjadi akibat kelainan genetik yang menyebabkan penderita sindrom ini biasanya mengalami kelainan fizikal sejak lahir dan sebahagian besar bayi yang mengalami keadaan ini tidak mampu hidup lama.

"Anak saya ini paling istimewa kerana dilahirkan tanpa dua telinga, namun dia boleh mendengar dengan baik. Ini jelas dilihat apabila dia berpaling setiap kali dipanggil, malah tidak boleh tidur dan menangis sekiranya adik-beradiknya membuat bising di rumah.

"Selain itu, doktor juga menjangkakan hayat Muhammad Firdaus



Rozana mendukung Muhammad Firdaus yang menghidap sindrom Patau dan dilahirkan tanpa telinga. (Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

hanya mampu bertahan selama 12 bulan kerana penyakit dialaminya itu, tetapi kini dia sudah dua bulan melepasi tempoh itu dan menjadi kanak-kanak yang sihat," katanya,

di sini semalam.

Sindrom Patau juga dikenali sebagai trisomi 13 iaitu bayi yang memiliki kelebihan kromosom 13 yang mempunyai tiga salinan ber-

banding kanak-kanak normal yang hanya mempunyai dua salinan kromosom 13 saja.

Hanya minum susu

Rozana berkata, mereka sekeluarga pada awalnya reda dengan ketetapan diberi Allah kepada Muhammad Firdaus Zaqun susulan pembesaran mungkin terganggu dan hasrat melihatnya membesar seperti kanak-kanak lain agak tipis.

"Namun kehendak dan kebesaran Allah mengatasi segala-galanya apabila Muhammad Firdaus membesar selaras dengan usianya sehingga kini," katanya.

Beliau berkata, Muhammad Firdaus tidak makan tetapi hanya minum susu melalui wayar, selain menjalani rawatan susulan di Hospital Sultanah Nur Nazirah (HSNZ) dua hingga tiga kali sebulan.

Sementara itu, bapanya, Abdul Wahab Deraman, 47, berkata dia bersama isteri tetap hidup dalam kebanggaan dan berjaga-jaga sepanjang masa bagi memantau perkembangan kesihatan anaknya itu.



TAJUK : BAYI 8 BULAN PERLU RM80,000 RAWAT JANTUNG BERLUBANG

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 21

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bayi 8 bulan perlu RM80,000 rawat jantung berlubang

Pembedahan segera perlu dilakukan elak bahayakan nyawa Mohamad Adam

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang bayi lelaki berusia lapan bulan, memerlukan bantuan sebanyak RM80,000 bagi membolehkannya menjalani pembedahan akibat masalah jantung berlubang.

Nor Hozaymatin Tahmit, 33, berkata masalah jantung berlubang anaknya, Mohamad Adam Shamsudin mula dikesan selepas dilahirkan.

"Anak saya dilahirkan pramatang. Apabila dilahirkan baru kami tahu dia ada masalah jantung berlubang dan sehingga sekarang walaupun sudah berumur lapan bulan, Adam belum dibenar-

kan pulang ke rumah.

"Adam pernah dimasukkan di Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) selama sebulan, kemudian ditempatkan ke wad kanak-kanak pramatang selama empat bulan dan dipindahkan ke wad Unit Rawatan Rapi (ICU) selama sebulan kerana mempunyai influenza sebelum dimasukkan ke Unit Pergantungan Tinggi Pediatrik (PHDU)," katanya.

Antara kesan daripada jantung berlubang ini, Mohamad Adam mudah terkena jangkitan kuman dan dia juga tidak mampu bernafas tanpa menggunakan alat sokongan bantuan pernafasan.

Nor Hozaymatin berkata, lubang pada jantung anaknya terlalu besar dan doktor menyarankan supaya pembedahan dilakukan segera kerana ubat yang diberikan tidak mampu merawat lubang pada jantungnya.

Katanya, sejak Mohamad Adam dilahirkan dia belum pernah berjumpa dengan abang dan juga kakaknya kerana perlu dirawat di hospital.

"Berkunjung ke hospital sudah menjadi rutin harian saya. Sebagai seorang ibu saya sangat sedih kera-



Nor Hozaymatin dan suami, Shamsudin Daeni bersama anak mereka Mohamad Adam yang menghidapi masalah jantung berlubang.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

na anak-anak saya yang lain tidak mempunyai ujian seperti ini.

"Saya juga mahu melihat Adam membesar dengan sihat seperti anak kawan-kawan saya yang sudah boleh pulang ke rumah dan bermain dengan ibu dan bapanya.

"Buat masa ini, anak saya minum susu formula khas dan dok-

tor maklumkan sekiranya tidak melakukan pembedahan, keadaannya akan bertambah teruk kerana darah yang sepatutnya pergi ke jantung masuk ke dalam paru-paru. Pembedahan ini perlu dilakukan segera supaya tidak membahayakan nyawa Adam," katanya.

Nor Hozaymatin turut ber-

harap supaya orang ramai dapat memberi sumbangan kerana gaji suaminya sebagai pemandu peribadi tidak mampu menampung pembedahan itu.

Pembedahan akan dilakukan di Hospital Gleneagles, Kuala Lumpur.

Salurkan sumbangan

Orang ramai yang ingin membantu, boleh menyalurkan sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dalam bentuk cek, dengan menulis nama Mohamad Adam Shamsudin di belakang cek.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat 5, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank 514105323170 dan nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.

Sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP juga layak mendapat pelepasan cukai.



TAJUK : SELANGOR BERI RM1,000 KEPADA 5,000 IBU BEKERJA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Selangor beri RM1,000 kepada 5,000 ibu bekerja

Program Insentif MamaKerja bantu ringan kos penjagaan anak

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Seramai 5,000 ibu bekerja di negeri ini yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga anak berusia 12 tahun ke bawah layak memohon Insentif MamaKerja yang dilancarkan, semalam.

EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari, berkata ibu yang layak akan menerima insentif berjumlah RM1,000 secara 'one off'.

"Insentif MamaKerja bertujuan mengangkat martabat wanita bekerja yang mempunyai anak-anak berusia 12 tahun dan ke bawah.

"Bagi menjayakan program ini, RM1,000 akan diberikan kepada seramai 5,000 ibu bekerja bagi meringankan beban penjagaan anak, terutama dari segi kos," katanya selepas Majlis Pelancaran Insentif MamaKerja di sini, semalam.



Anfaal (tiga dari kiri) melancarkan Insentif MamaKerja di Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

Beliau berkata, syarat kelayakan bagi pemohon insentif berkenaan adalah wanita bekerja; rakyat Selangor atau bermastautin di negeri ini lebih 10 tahun; mengundi di Selangor serta berpendapatan isi rumah RM8,000 dan ke bawah.

Kelayakan permohonan
Katanya, pemohon juga mesti mempunyai akaun Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)


atau caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); mempunyai sekurang-kurangnya tiga anak berusia 12 tahun ke bawah dan bukan penerima bantuan Skim Bantuan Asuhan Pintar (ASUH PINTAR), Skim Bantuan Tadika (TUNAS) dan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS).

Anfaal berkata, sebahagian besar ibu di negeri ini terpaksa memilih antara menjaga anak atau

pun bekerja disebabkan kos penjagaan di pasaran adalah tinggi.

"Statistik terkini daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan, kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh di Selangor yang rendah, iaitu 69.9 peratus.

"Selain itu, Kajian Merdeka Centre dan The Asia Foundation di Selangor pada 2020-2022 menunjukkan wanita bekerja menghadapi cabaran kos penjagaan anak yang tinggi," katanya.



TAJUK : 'MENANTU PILIHAN'

HARI : JUMAAT

TARIKH : 27 OKT 2023

TONE : POSITIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 31

SEKTOR : KPWKM

'Menantu pilihan'

Kisah budak serba boleh, ringan tulang
buat kerja kampung tular di media sosial



MUHAMMAD Nur Hakim mahir mengemudi perahu mengikat ketam yang ditangkapnya.



MUHAMMAD Nur Hakim (duduk kiri) bersama adik beradik lain.

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muhamar@hmetro.com.my

Taiping

"Nak lock (kunci) jadi menantu sebab anak saya mesti tak lapar bila dapat laki (suami) serba boleh."

Itu antara komen usikan diterima Nurzatul Asmyda Ahmad Zailani, 29, selepas memuat naik video adiknya, Muhammad Nur Ha-

kim, 13, yang serba boleh dalam melakukan kerja kampung.

Menerusi video itu, remaja lelaki terbabit dilihat mahir melakukan pelbagai kerja antaranya mengemudi perahu, menjala ikan, mengikat ketam, memotong rumput, mengait buah kelapa sawit dan memancing.

Perkongsian berkenaan juga membuatkan ramai netizen kagum kerana Muhammad Nur Hakim tidak seperti remaja seusianya

yang banyak menghabiskan masa dengan gajet.

Ber cerita lanjut, Nurzatul Asmyda yang menetap di Batu 7, Changkat Baru, Matang di sini, berkata, Muhammad Nur Hakim anak kesembilan daripada 10 beradik.

Menurutnya, adiknya suka berdikari bagi menghabiskan masa dengan melakukan kerja kampung terutama ketika hujung minggu serta cuti sekolah.

"Adik saya memang rajin jika tak ikut ayah yang memandu lori, dia buat kerja kampung."

"Kerja rumah pun dia rajin buat, malah emak tak perlu pergi pasar kerana adik ringan tulang dan jenis yang boleh disuruh."

"Kebiasaannya, saya yang menemaninya untuk pantau dan sambil itu ambil gambar juga videonya."

"Ikutkan, adik memang lasak malah di sekolah dia aktif bersukan, tetapi kerja-kerja itu hanya dilakukan pada hujung minggu, jadi tak ganggu waktu persekolahannya," katanya ketika dihubungi, di sini.

Nurzatul Asmyda berkata, sebagai kakak, dia kagum melihat kebolehan adiknya walaupun orang luar mungkin menganggapnya perkara biasa.

"Disebabkan itu (kagum), saya muat naik videonya di TikTok kerana saya nak simpan untuk buat kenang-kenangan."

"Tak sangka video itu meraih tontonan tinggi dengan rata-ratanya memuji adik serta beri komen positif."

"Terima kasih atas kata semangat yang diberi dan diharap, adik dapat menjadi contoh kepada remaja seusia dengannya," katanya.



SELAIN rajin membuat kerja kampung Muhammad Nur Hakim turut mengambil upah memotong rumput.





TAJUK : 'PELUANG HIDUP' KE-2 BERNILAI RM80,000

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Mahaizura Abd
Malik dan Suhanna
Iskandar
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sejak dilahirkan lapan bulan lalu, Mohamad Adam Shamsudin hanya membesar di hospital dan bergantung sepenuhnya dengan alat bantuan pernafasan.

Ibunya, Nor Hozaymatin Tahmit, 33, berkata bayinya disahkan menghidap masalah *Atrial Septal Defect* (ASD) atau jantung berlubang selepas dilahirkan pramatang pada usia kandungan mencecah 26 minggu, Februari lalu.

"Sejak lahir sampai sekarang, dunianya hanya hospital, tak pernah balik rumah mahupun jumpa adik-beradik lain.

"Dia mudah dapat jangkitan kuman dan tak boleh bernafas sendiri kerana tekanan jantung laju dan berlubang.

"Kalau oksigen dimatikan, dia akan membiru. Sebab itu dia perlu pakai oksigen sepanjang masa," katanya yang menetap di Taman Keramat, di sini.

Suri rumah itu berkata, doktor memberitahu peluang anak bongsu daripada tiga beradik terbahit untuk sembuh cerah melalui pembedahan segera atau boleh mengancam nyawanya jika gagal me-



NOR Hozaymatin dan suami Shamsudin Daeni, 34 bersama Mohamad Adam Shamsudin yang memerlukan bantuan untuk menjalani pembedahan jantung berlubang. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

BAYI LAPAN BULAN HIDAP ASD MOHON SUMBANGAN

'Peluang hidup' ke-2 bernilai RM80,000

lakukannya.

"Kalau tak buat pembedahan ini, keadaan anak semakin teruk sebab saluran jantung (menyebab-

kan) darah masuk menganggu paru-parunya.

"Doktor beritahu pembedahan ini satu-satunya peluang dia dapat hidup

macam bayi normal lain, namun kosnya mencecah RM80,000 amat merungsingkan kami.

"Ini kerana saya tidak

bekerja dan hanya bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami sebagai pemandu peribadi kira-kira RM5,000," katanya.

Katanya, dia amat mengharapkan rakyat Malaysia sudi menyumbang untuk memastikan pembedahan anaknya di Hospital Gleneagles Kuala Lumpur dapat berjalan dengan lancar.

"Sebagai ibu, saya amat sedih dan tak sanggup tengok keadaan anak ini selamanya macam ini.

"Saya mohon rakyat Malaysia dapat menyumbang supaya anak cepat sembuh dan boleh membesar depan mata kami di rumah macam bayi lain," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyerahkan sumbangan dalam bentuk cek dengan menuliskan nama pesakit di belakang cek kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dan sumbangan kepada tabung berkenaan layak mendapat pelepasan cukai.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Media Prima Berhad, Tingkat Empat, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor 14010008842718 atau Maybank bernombor 514105323170 dan nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.



TAJUK : APM MELAKA TERIMA TAMBAHAN SUKARELAWAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

SIAP SEDIA HADAPI BANJIR

APM Melaka terima tambahan sukarelawan

Melaka: Siap sedia aset dan jumlah sukarelawan bagi menghadapi banjir besar yang dijangka melanda negara tidak lama lagi.

Itu tindakan diambil Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka dengan menambah jumlah anggota baharu sebagai persiapan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) dijangka bermula bulan depan.

Pengarahnya, Lt. Kol. (PA) Kamarulsyah Muslim berkata, terbaharu 80 anggota APM baharu selesai menjalani Kursus Asas Pertahanan Awam Siri 3/2023 bertempat di Pejabat Negeri Angkatan Pertahanan Awam Melaka (PNPA), Ayer Keroh, di sini.

Menurutnya, 80 peserta terbabit terdiri daripada 54 lelaki dan 26 wanita berusia 18 hingga 44 tahun.

"Menerusi kursus tiga hari, semua peserta didehkan dengan pelbagai

kemahiran seperti teknik pertolongan cemas, teori resusitasi kardiopulmonari (CPR) dan choking (tercekik), asas ikatan dan simpulan dan asas memadam kebakaran dengan setiap sesi selama dua jam.

"Objektif kursus ini adalah menyemai semangat kesukarelawanan, sedia memberi bantuan dan pertolongan serta menghargai nyawa dan harta benda milik bersama," katanya.

Kamarulsyah berkata, untuk layak menjadi anggota sukarelawan Pertahanan Awam, setiap peserta wajib mengikuti tiga modul kursus iaitu Pengenalan APM dan Pertahan Menyeluruh dan Asas Menyela-


"Objektif kursus ini menyemai semangat kesukarelaan, sedia beri bantuan"

mat Kecemasan, masing-masing selama dua jam dan empat jam Asas Kawad Kaki.

"Peserta ini akan ditempatkan di Pejabat Daerah Pertahanan Awam Melaka Tengah iaitu seramai 32 orang, Alor Gajah (19) dan Jasin (24) selain Unit Selandar (2) dan Masjid Tanah (3).

"Mereka akan menjalani latihan sambil bertugas bagi meningkatkan lagi kemahiran asas sebelum diserap sebagai anggota sukarelawan," katanya.

Sementara itu majlis penutup kursus berkenaan diadakan di PNPA Ayer Keroh pada Ahad lalu dengan dihadiri Timbalan Pengarah APM Melaka, Mejar (PA) Nor Farhani Mat Husin; Ketua Bahagian Operasi, Latihan & Angkatan APM Melaka, Kapten (PA) Aljibin Suddin dan Lt (PA) Mohd Ridhwan Mohd Latip selaku Kem Komandan.



TAJUK : BAYI LAHIR TANPA TELINGA MAMPU MENDENGAR

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 22

STONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



ROZANA bersama Muhammad Firdaus yang dilahirkan tanpa telinga dan menghidap sindrom Pantau.

Bayi lahir tanpa telinga mampu mendengar

Kuala Terengganu: Anak istimewa, Muhammad Firdaus Zaquan Abdul Wahab, 14 bulan, bukan saja dilahirkan tanpa kedua-dua telinga malah doktor sebelum itu turut menjangkakan yang dia hanya mampu hidup selama setahun saja.

"Namun, kehendak dan kebesaran Allah SWT mengatasi segala-galanya apabila Muhammad Firdaus Zaquan bukan saja membesar dengan sihat malah sudah melepasi tempoh had umur yang dijangka doktor," kata ibunya, Rozana Zakaria @ Omar, 41, ketika ditemui, semalam.

Muhammad Firdaus Zaquan, dari Kampung Laut di sini, bukan saja menghidap sindrom Pantau malah jantung berlobang dan buah pinggang.

Rozana berkata, doktor menganggarkan bahawa anak bongsu daripada lima beradik itu hanya mampu hidup 12 bulan sebaik dilahirkan.

"Menurut doktor yang mera-

wat Muhammad Firdaus Zaquan, kebiasaannya anak yang menghidap sindrom Pantau hanya mampu hidup kurang daripada 12 bulan.

"Malah dengan keadaan Muhammad Firdaus Zaquan yang turut menghidap penyakit jantung berlubang dan buah pinggang, peratusan untuknya membesar seperti kanak-kanak lain sangat tipis," katanya.

Tambahnya, lebih istimewa, Muhammad Firdaus Zaquan boleh mendengar seperti biasa.

"Saya mengesahkan Muhammad Firdaus Zaquan boleh mendengar kerana dia akan berpaling setiap kali dipanggil.

"Lebih meyakinkan saya, Muhammad Firdaus Zaquan tidak boleh tidur dan akan menengis sekiranya adik-beradiknya membuat bising di rumah," katanya.

Menurutnya, biarpun anaknya itu dilahirkan istimewa namun Muhammad Firdaus Zaquan tetap dimanja dan dijaga sebaik mungkin.

"Muhammad Firdaus Zaquan hanya minum susu melalui tiub selain menjalani rawatan susulan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dua hingga tiga kali sebulan.

Bapa Muhammad Firdaus Zaquan, Abdul Wahab Deraman, 47, berkata, dia dan isteri sentiasa hidup dalam kebimbangan selain berjaga-jaga sepanjang masa.


"Walaupun sudah melepasi usia 12 bulan yang dijangkakan doktor, namun sebarang kemungkinan yang tidak diingini boleh berlaku terhadap Muhammad Firdaus Zaquan.

"Kami sentiasa mendoakan supaya Muhammad Firdaus membesar dengan sihat tanpa masalah," katanya.

Menurutnya, disebabkan anak bongsunya itu paling istimewa, ia diberikan nama hadapan Muhammad berbanding tiga lagi anaknya yang lain bermula dengan nama Ahmad.

"Sama ada dia anak normal atau anak istimewa, Muhammad Firdaus Zaquan tetap amanah Allah SWT yang dipertanggungjawabkan kepada saya dan isteri. Kami akan menjaganya sebaik mungkin hingga ke akhir hayat," katanya.

“
Muhammad Firdaus akan berpaling setiap kali dipanggil
Rozana



TAJUK : BERKERUSI RODA MASAK NASI BERLAUK

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 31

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Machang: Walaupun kudrat tidak sekuat dulu selain menghidap masalah saraf serta terpaksa berkerusi roda, Ruzaini Ismail, 56, tetap berusaha keras mencari rezeki menjual nasi berlauk.

Katanya, dia berkerusi roda akibat penyakit saraf terbabit sejak lima tahun lalu namun tetap gagahkan diri demi mencari sesuap nasi.

Menurutnya, setiap hari, dia dibantu suami, Ibrahim Mohd Zin, 62, bangun awal jam 3 pagi memasak bagi menyiapkan tempahan pelanggan.

"Suami dan anak sulung, Mohd Ikmal Ariffi, berusia 34 tahun, membantu menghantar makanan dipesan itu kepada pelanggan di sekitar Kok Lanas dan Pulau Chondong secara bayaran tunai ketika serahan (COD)

bermula jam 7 pagi.

"Setiap hari saya menjual sehingga 60 bungkus nasi gulai ikan tongkol, gulai ayam dan kerutuk daging pada harga RM4 sebungkus, malah ada ketikanya turut mengambil tempahan nasi untuk majlis keiraian sekiranya mendapat permintaan.

"Selagi termampu dan terdaya, saya akan membantu meringankan beban suami yang bekerja kampung dan pada masa sama, kami perlu menanggung dua lagi anak yang masih bersekolah berusia 14 dan 16 tahun, termasuk seorang daripadanya orang kurang upaya (OKU)," katanya ditemui di kediamannya di Kampung Pangkal Nering Timur.

Terdahulu, keluarga itu menerima kunjungan Ke-

Berkerusi roda masak nasi berlauk



RUZAINI berkerusi roda tetap memasak bagi menyiapkan tempahan nasi berlauk dipesan pelanggan. - Gambar NSTP/HAZIRA AHMAD ZAIDI

tua Unit Media dan Komunikasi Kelab Kebajikan dan Sukarelawan Sosial (KELSS) Akidi Hamid.

Ibu kepada lima anak itu berkata, ketika sihat, dia mengusahakan warung menjual nasi pagi di Pulau Chondong, namun sejak kesihatannya merosot, dia terpaksa menutup warung.

"Selama dua tahun saya terlanjar dan mengharap-kan bantuan suami serta anak-anak menguruskan diri, namun dengan sokongan mereka saya bangkit dan Alhamdulillah, kesihatan semakin baik walaupun tidak sekuat dahulu.

"Kini saya boleh menguruskan diri sendiri meskipun terpaksa berkerusi roda. Demi kelangsungan hidup, saya memberitahu suami untuk menjual nasi pagi semula," katanya.



TAJUK : REMAJA TAK MENGAKU NODA ADIK PEREMPUAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 26

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM


Remaja tak mengaku noda adik perempuan

Johor Bahru: Remaja lelaki 18 tahun mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan melakukan amang seksual terhadap adik perempuannya berusia sembilan tahun, Julai lalu.

Tertuduh mengangguk

faham pertuduhan dan mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman.

Mengikut pertuduhan, remaja berkenaan didakwa melakukan perbuatan itu jam 3 pagi di kediaman di Masai, Julai lalu.



TAJUK : TIDUR DALAM KHEMAH BIMBANG RUMAH JADI SASARAN PENJENAYAH

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Tidur dalam khemah bimbang rumah jadi sasaran penjenayah

Teluk Intan: Pasangan suami isteri warga emas mangsa banjir di Batu 9 Simpang Tiga, Changkat Jong di sini, nekad tidur dalam khemah di tepi Jalan Changkat Jong-Teluk Intan kerana bimbang rumah mereka menjadi sasaran penjenayah.

Abdul Mukti Katiman, 72, dan isteri, Saodah Sahdan, 71, berbuat demikian sejak Selasa lalu bagi mengawasi rumah mereka untuk mengelakkan kejadian pecah masuk dan kecurian.

Menurut Abdul Mukti, pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menasihatkan mereka berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Serbaguna Pasang Tembak.

Namun dia dan isteri berat hati untuk berpindah kerana risaukan keselamatan harta benda dan ru-



ABDUL Mukti dan isteri, Saodah nekad berhujan berpanas dalam khemah di tepi Jalan Changkat Jong-Teluk Intan.

mahnya sekiranya ditinggalkan.

"Malam rumah kena banjir, kami tidur di rumah anak berdekatan tapi esoknya saya buat keputusan untuk pulang dan buat khemah.

"Kami diminta berpindah ke PPS, tapi jaraknya agak jauh 14 kilometer dari

rumah. Kalau barang-barang dalam rumah hilang bagaimana?"

"Biarlah bising lori lalu-lalang sekali pun, yang penting rumah dan harta benda terjaga. Harap banjir ini surut segera," katanya ketika ditemui semalam.

Mengenai banjir yang melanda petang Isnin lalu,



KEADAAN rumah Abdul Mukti di Batu 9 Simpang Tiga, Changkat Jong yang dinaiki air sejak Isnin lalu. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI.

Abdul Mukti berkata air naik begitu cepat sehingga kereta dan perkakas elektrik seperti peti ais dan mesin basuh tidak sempat diselamatkan.

Datuk tujuh cucu itu yang menghidap masalah pundi kencing itu turut hilang gerai menjual burger miliknya tidak dapat beroperasi kerana dijadikan tem-

"Kami diminta berpindah ke PPS, tapi jaraknya 14 kilometer dari rumah. Kalau barang rumah hilang bagaimana?"

pat berteduh.

Sementara itu, Saodah meluahkan harapan supaya pihak berkuasa dapat mencari jalan penyelesaian isu banjir yang menurutnya berlaku setiap tahun dan semakin memburuk.

Dia yang mengidap kanser payudara sejak setahun lalu memaklumkan perlu menjalani pemeriksaan tiga minggu sekali di Hospital Putrajaya, namun kereta milik suaminya kini ditenggelami air.



TAJUK :	CHE QUAN KHOR KAPIT MARKS DOUBLE NINTH FESTIVAL WITH RICE DISTRIBUTION TO NEEDY FAMILY		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	27 OKT 2023	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Kong (left) presents a bag of rice to a recipient.

Che Quan Khor Kapit marks Double Ninth Festival with rice distribution to needy families

KAPIT: The Che Quan Khor Moral Uplifting Society here marked the Double Ninth Festival by distributing 10kg bags of rice to 31 needy families on Wednesday evening.

Chairman Kapitan Kong Cheak He said the recipients were selected based on a survey carried out by the Society on low-income families in Kapit in need of assistance.

"The bags of rice were generously donated by our members and we distributed them to families who do not have a stable income. The recipients were 10 Chinese families, 10 Iban families, and


11 Muslim families," he told The Borneo Post.

Kong hoped the assistance, though small, would help lessen the financial burden of the recipients.

Adding on, he said the Society will continue to look out and care for the less fortunate members of society.

Those present at the ceremony to distribute the rice were Society secretary Chua Bee Hung, vice secretary Tan Chin Sien, treasurer Kiu Chuan Hui and assistant treasurer Tan Kian Lok.

Also present was Ketua Kampung Razali Abdullah.



TAJUK : ELDERLY PEDESTRIAN DIES AFTER MOTORCYCLE CRASHES INTO HIM

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 27 OKT 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Elderly pedestrian dies after motorcycle crashes into him

KUCHING: An elderly pedestrian died after a motorcycle crashed into him from behind near Kampung Punau, Jalan Puncak Borneo on Wednesday night.

